

# Cherril Mitchell Henry

## Johan Karaoke Tamu Gadang UMSKAL

OLEH JAINUDIN DJIMIN, jainudin@ newsabahtimes.com.my)

**PELAJAR** Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Cherril Mitchell Henry menjuarai Pertandingan Karaoke Terbuka Sempena Tamu Gadang UMSKAL2014, di Labuan.

Beliau yang menyanyikan lagu 'Kerna Ku Sanggup' nyanyian Agnes Monica, membolehkan Cherill membawa pulang hadiah wang tunai RM300.

Naib johan dimenangi Heidar Hussein Mohd Rashid, seorang guru, dengan lagu Bahagiamu Derita ku dengan Hafiz.

Tempat ketiga dimenangi Arizal Jorea dari Kampung

Gersik dengan lagu dendangan Aqash, Embun.

Tempat keempat, Muhamad Khairul Abdul dari Kampung Bukit Kalam yang menyampaikan lagu bertajuk Kamelia nyanyian Sweet Charity.

Sementara tempat kelima dimenangi peserta dari Kampung Lajau, Jamaludin Bakri dengan lagu Mentari Di Ufuk Timur dendangan kumpulan rock tanahair, Search.

Pemenang naib johan dan ketiga masing-masing meraih RM200 dan RM100 sementara tempat keempat dan kelima memenangi hamper.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik menyampaikan hadiah kepada pemenang di Dewan Utama, universiti itu, baru-baru ini.

Turut hadir isteri beliau, Hayati Salleh Bahaki, Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad Tuah, Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Mas Adi Alimin dan penyelaras program, Johari Safar.

Seramai 22 peserta menyertai pertandingan itu yang dijalankan sejak pukul 10 pagi hingga 3 petang yang membabitkan pusingan saringan sebelum lima daripadanya mara ke peringkat akhir.



PEMENANG ... Dr Murnizam (empat kanan) dan Johari (dua kiri) bersama Cherill (3 kanan) dan pemenang pertandingan karaoke Tamu Gadang UMSKAL 2014.



HADIAH ... Cherill (kanan) menerima hadiah daripada Dr Murnizam diperhatikan Johari (kiri) selepas muncul johan.